



Mendayakan kepemimpinan mahasiswa

Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sentiasa menjadi perhatian pemerhati luar kampus saban tahun.

Pemimpin yang dipilih untuk mengepalai pelajar kampus sentiasa diletakkan harapan tinggi, untuk membawa perubahan progresif, inklusif dan berkesan, terutama dalam perihalan kebajikan mahasiswa.

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) selesai mengadakan pemilihan MPP baharu bagi sesi 2014/2015, baru-baru ini, bersama-sama beberapa IPTA lain.

Pembentukan kabinet baharu membawa bersama-sama deringan loceng untuk mula 'bekerja' sebagai pemimpin kampus.

Landskap kampus kini menuntut kepada 'arkitek' yang kreatif, segala agenda dibawa oleh MPP kini bukan hanya memfokuskan kepada mahasiswa tetapi turut membabitkan semua masyarakat kampus, termasuk pihak pengurusan universiti.

Cabaran luar yang hebat menuntut kepada pengisian spiritual pelajar secara mantap. Di sinilah saya melihat penyusunan spiritual mahasiswa

perlu diperkemas menerusi penerapan dalam segala aspek kehidupan kampus.

Bukan dizahirkan sekadar memulakan dan menutup majlis dengan doa tetapi lebih kepada pelaksanaannya, iaitu membuktikan dengan amal harian secara tetap (istiqamah).

MPP USIM menyahut cabaran itu bagi memperteguh nilai spiritual mahasiswa dengan memberi penekanan kepada usaha memperkasakan aktiviti kerohanian seperti program berbentuk amal islami secara kerap dan tersusun. Diharapkan melaluinya nanti dapat menghidupkan jiwa yang kosong, bukan sahaja dalam kalangan mahasiswa bahkan seluruh warga universiti.

Mahasiswa intelek

Roh universiti ialah keilmuan dan aspek memperkasakan daya intelektual mahasiswa antara keutamaan penting pemimpin kampus. Penguasaan ilmu yang mantap dapat disebarkan kepada masyarakat di dalam dan luar kampus, sekali gus menjadikan mahasiswa ejen perubahan.

Senario itu akan melahirkan mahasiswa yang sentiasa berani mempelajari suatu



“
MAHASISWA
INTELEK ITU
SENDIRI IALAH
INDIVIDU YANG
CERDIK
SERBA-SERBI,
JELAS AKAN
MATLAMAT,
TERKEHADAPAN,
CELIK MATA HATI
DAN BERANI”

yang baharu, malah nilai intelektual mereka dapat mencestuskan inovasi, kualiti dan meningkatkan daya saing.

Mahasiswa intelek itu sendiri ialah individu yang cerdik serba-serbi, jelas akan matlamat, terkehadapan, celik mata dan berani.

Suka untuk saya mengambil ayat yang selalu didengari, iaitu 'sebaik-baik manusia adalah yang bermanfaat kepada manusia.'

Manfaatkan keberadaan

Sebab itulah ukuran kepada sebaik-baik manusia ialah manusia yang bermanfaat. Sehubungan itu, intelektual tidaklah disempitkan kepada bidang akademik sahaja.

Kepemimpinan pelajar pada peringkat kampus seperti kelab dan persatuan juga perlu diangkat dan didayakan kemampuan mereka. Mereka juga sebenarnya merupakan pemimpin pelajar serta menjadi mata dan telinga kepada pelbagai perkara di dalam kampus.

Ini bermakna permasalahan kebajikan pelajar yang mendatang bukan diletakkan sepenuhnya ke atas bahu MPP semata-mata. Perkara membatikan dasar universiti, MPP lebih sesuai di hadapan untuk mencari penyelesaian.

Permasalahan berkaitan kolej kediaman pula, boleh disalurkan kepada Jawatankuasa Kolej Kediaman, manakala yang bersifat ke fakultian diserahkan kepada sekretariat pelajar fakulti berkenaan.

Tujuannya untuk memanfaatkan keberadaan pemimpin pelajar, selain MPP, untuk menggunakan kelebihan posisi masing-masing dan secara tidak langsung mendayakan kepemimpinan mereka.

Keintelektualan mahasiswa itu mungkin dapat dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu pembinaan dan saluran.

Aspek pembinaan intelektual mahasiswa bukan setakat wacana dan sudut pidato tetapi patut diukur lebih daripada itu, justeru beralih kepada fasa kedua, iaitu saluran atau ke mana harus disumbang mahupun dimanfaatkan keintelektualan mahasiswa.